


E-BULLETIN BULAN FEBRUARI 2022  
JABATAN PEMBANGUNAN & PENGURUSAN AKADEMIK  
INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)

**1. SIJIL PROFESIONAL PEMBELAJARAN MESIN GUNAAN (*PROFESSIONAL CERTIFICATE IN APPLIED MACHINE LEARNING*)**

Sijil Profesional Pembelajaran Mesin Gunaan (*Professional Certificate in Applied Machine Learning*) telah pun tamat pada 22 Januari 2022 melibatkan enam orang pelajar dan empat orang penceramah program. Sehubungan itu, bagi pelajar yang telah menamatkan program ini dengan kehadiran penuh dan melengkapkan tugas yang diberikan layak dianugerahkan Sijil Profesional. Justeru, dilampirkan proses penyediaan sijil profesional dengan memohon tanda tangan daripada Ketua Eksekutif iCEPS dan Naib Canselor UiTM.





## **2. MESYUARAT DAN PERBINCANGAN PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK DAN PROGRAM PROFESIONAL DI INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS).**

Pada 7 Februari 2022, satu mesyuarat dan perbincangan penawaran Program Profesional di iCEPS telah diadakan di Bilik Seminar Aras G, UiTM-MTDC bermula jam 2.00 petang hingga 4.00 petang. Mesyuarat dihadiri oleh empat orang wakil pensyarah daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UiTM Cawangan Pulau Pinang, empat orang wakil daripada Capital Education and Skills Development Sdn Bhd (CESD) dan wakil daripada Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Akademik iaitu Pengarah Jabatan, Penolong Pendaftar dan Pegawai Eksekutif. Mesyuarat membincangkan tentang penawaran program *Professional Diploma of Technology and Safety in Oil & Gas Operations* dan *Professional Bachelor of Technology and Safety in Oil & Gas Operations*. Sehubungan itu, pihak CESD juga ingin menawarkan program sedia ada mereka seperti *Professional Diploma, Executive Bachelor* dan *Executive Master in Plant Operation and Management*.

Di samping itu, mesyuarat juga memberi ruang kepada ucapan aluan daripada Ketua Eksekutif, iCEPS YBhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya sebelum mesyuarat diteruskan ke agenda yang lain. Hasil perbincangan, iCEPS melalui Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Akademik menerima semua penawaran program profesional daripada Capital Education and Skills Development Sdn Bhd.





### **3. DIPLOMA PROFESIONAL TEKNOLOGI ELEKTRIK & ELEKTRONIK (*PROFESSIONAL DIPLOMA IN ELECTRICAL & ELECTRONICS TECHNOLOGY*)**

Seperti sedia maklum, Diploma Profesional Teknologi Elektrik & Elektronik (*Professional Diploma in Electrical & Electronics Technology*) Fasa 2 telah tamat pada 10 Disember 2022. Sehubungan itu, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Akademik telah menyediakan Sijil Profesional bagi pelajar-pelajar yang telah berjaya menamatkan Fasa 2 dengan kehadiran penuh dan menyiapkan tugas yang diberi. Justeru, Majlis Penganugerahan Sijil Profesional ini telah berlangsung pada 25 Februari 2022 di dewan tertutup Highly Marelli Sdn Bhd.



#### **4. MESYUARAT & PERBINCANGAN PENAWARAN PROGRAM PROFESIONAL DI INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)**

Pada 22 Februari 2022, telah diadakan satu mesyuarat dan perbincangan penawaran Program Profesional di iCEPS yang dihadiri oleh Pengarah Jabatan, Prof. Dr. Faizah Abdul Majid, Wakil Dekan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, En. Hamizad Abdul Hadi, Pensyarah Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, En. Noradzhar Baba, Penolong Pendaftar dan Pegawai Eksekutif menggunakan Webex. Perbincangan adalah mengenai penawaran program Diploma Profesional Pengurusan Hotel (*Professional Diploma in Hotel Management*) dengan kerjasama daripada Hotel Sri Malaysia. Mesyuarat bermula pada jam 11.00 pagi dan tamat pada jam 11.45 pagi.

